

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

100 college students join komunity Anti camps, HIV
25 Nov 2009
Berita Harian (Johor)
News
N/A
Daily
231,163 / 1,368,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
5
301 cm²
Full Color
8,772
26,317



100 pelajar kolej komuniti sertai kem antidadah, HIV

SEKAKAP: Seramai 100 pelajar Kolej Komuniti Wilayah Johor yang menyertai Kem Kesedaran Antidadah dan HIV di Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Insan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) di sini, dapat menimba pengalaman baru selain menambah pengetahuan mengenai gejala dadah.

Kem selama tiga hari anjuran bersama Kolej Komuniti Pengajian Tinggi Wilayah Johor, Agensi Anti Dadah Kebangsaan Johor (AADK) dan Majlis Kaunseling Kolej Komuniti itu untuk memantapkan fizikal dan mental pelajar sekali gus bersedia menghadapi ancaman dadah.

Beberapa peserta menyifatkan dengan menyertai kem itu banyak pengetahuan yang berguna diperoleh, malah dapat bertukar maklumat dan berkenalan dengan peserta lain.

Pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar, Nur Syafiqah Hisahamuddin, 20, berkata

dengan menyertai kem berkenaan, banyak pengetahuan diperoleh untuk panduan masa depan.

Katanya, kem berkenaan perlu diteruskan lagi pada masa akan datang dalam usaha mendidik pelajar supaya membentuk disiplin yang tinggi dan tidak terjebak dalam najis dadah.

"Selain itu, kami juga didedahkan dengan pelbagai kegiatan yang boleh menyemai bibit perpaduan di kalangan pelajar yang bebas dari pada gejala dadah," katanya.

Pelajar Kolej Komuniti Ledang Tangkak, Mohd Saiuddin Haron, 20, berkata kem itu mencabar kerana semua aktiviti yang dilaksanakan terpaksa dilakukan secara kumpulan.

Beliau juga gembira kerana dapat menyertai kem berkenaan dan berkenalan dengan rakan baru dari pelbagai kolej komuniti di negeri ini.

"Jika ada lagi perkhemahan seumpama ini, saya akan

menyertainya pada masa akan datang kerana banyak pengetahuan dan pengalaman berguna yang diperoleh melalui perkhemahan ini," katanya.

Bagi Pelajar Kolej Komuniti Tanjung Piai, Pontian, Junaidah Mohd Samsir, 19, berkata beliau berterima kasih kepada pihak penganjur kerana dipilih menyertai kem berkenaan.

"Pelbagai pengetahuan diperolehi melalui kem ini dapat dijadikan panduan pada masa depan untuk mengelak kami terjerumus ke lembah hina dan dihidapi HIV," katanya.

Pengarah kem berkenaan, Dr Kamaruddin MdTahir, berkata dengan menyertai kem itu, peserta dapat meningkatkan pengetahuan mengenai bahaya Aids/HIV serta risiko penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar.

Kem itu dirasmikan wakil Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi, Ahmad Rani Ali Hanafiah.



PERSEMBAHAN peserta pada malam kebudayaan kem kesedaran antidadah dan HIV.